



LAWATAN KERJA YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN KE SANDAKAN, SABAH

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin telah meluangkan masa melawat beberapa tempat di Sandakan, Sabah selama dua hari bermula 20 Februari 2020 hingga 21 Februari 2020. Sebanyak tiga (3) projek perumahan dan dua (2) pasar awam telah dilawati oleh beliau melibatkan PPR Sungai Manila Batu 12, PPR Batu Putih dan Projek Perumahan PRIMA "Sandakan City Centre". Manakala bagi projek pasar pula melibatkan Pasar Besar Batu 8 dan Pasar Kim Fung.

20 FEBRUARI 2020

YB Zuraida Kamaruddin memulakan lawatan kerjanya ke Sabah dengan mengadakan lawatan ke PPR Sungai Manila, Batu 12, Sandakan. Dalam lawatan itu, YB Zuraida meninjau kawasan sekitar dan mengambil maklum masalah infrastruktur yang dihadapi penduduk disitu. Beliau juga sempat menyantuni penduduk dan berharap mereka menjaga persekitaran dan kebersihan rumah masing-masing.



Seterusnya, YB Menteri telah mengadakan lawatan di PPR Kampung Batu Putih, Sandakan bagi memantau perkembangan pembinaan PPR tersebut. Dalam sidang medianya, YB Zuraida berkata antara syarat yang ditetapkan adalah mestilah warganegara berumur 18 tahun ke atas, yang tidak

memiliki rumah, dengan pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah boleh memohon untuk menyewa dengan kadar bulanan RM160 termasuk penyelenggaraan.

Selain itu, YB Zuraida Kamaruddin meneruskan lawatan kerja di Sabah dengan mengadakan lawatan ke Pasar Batu 8, Sandakan dan turut meninjau kerosakan bumbung di tingkat tiga di pasar berkenaan. YB Zuraida berkata, perbincangan lanjut akan diadakan dengan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) untuk menempatkan restoran makanan segera bagi membantu mengekalkan infrastruktur tingkat atas bangunan, supaya ia tidak terus terbiar. Di samping itu, beliau turut menyantuni peniaga pasar tersebut dan berharap peniaga disitu sentiasa menjaga kebersihan pasar demi kelestarian bersama.



Manakala di sebelah petang, program diteruskan dengan membuat lawatan ke MPS. YB Zuraida menekankan agar ahli majlis terus mendekati rakyat kerana kesejahteraan dan keselesaan rakyat adalah antara kayu ukur prestasi buat seseorang ahli majlis. Beliau juga mengingatkan pegawai MPS untuk meningkatkan penguatkuasaan dengan lebih efektif dan berkesan supaya servis kepada rakyat boleh diteruskan secara teratur dan tersusun. Tambahnya, pegawai-pegawai di MPS perlu terus kreatif dalam membangunkan ekonomi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing lebih-lebih lagi di Sandakan yang terkenal sebagai antara pusat pelancongan di dalam negara.

21 FEBRUARI 2020



Pada hari yang berikutnya, YB Zuraida Kamaruddin menyambung lawatan ke projek perumahan PRIMA *Sandakan City Centre*. Terdapat sebanyak 9 projek perumahan PRIMA sedang dilaksanakan di seluruh Sabah dan ia melibatkan 5,219 unit sedang dalam pembinaan dan 3,260 lagi

sedang dalam perancangan. Lokasi projek-projek ini ialah di Woodford, Kinarut South, Sepagar Bay, Menggatal, Kota Marudu, Kota Marudu 2, Borneo Cove, Sandakan City Centre dan Rangu.



Beliau meneruskan lawatan yang terakhir ke Sabah dengan mengadakan lawatan ke Pasar Kim Fung Batu 4 dan pasar sementara terminal bas baru Sandakan. Dalam lawatan itu, YB Zuraida turut memeriksa tandas awam di pasar berkenaan dan berharap peniaga dan pengguna dapat sama-sama menjaga kebersihan demi kesejahteraan bersama.

Bagi lawatan kerjanya ke Sabah kali ini, YB Zuraida meluluskan peruntukan sebanyak RM3.2 juta untuk Pasar Sungai Manila dan Pasar Kim Fung bernilai RM 1 Juta setiap satu dan Pusat Khidmat Dun sebanyak RM1.2 juta. YB Zuraida turut meluluskan RM1 juta bagi tujuan perundingan cadangan pembinaan sebuah Pasar Baru berhampiran terminal bas.

YB Zuraida juga berharap supaya rakyat Sabah khususnya di Sandakan dapat memiliki peluang untuk tinggal di kediaman yang lebih berkualiti bagi menjamin kehidupan komuniti yang lebih sejahtera. Dalam lawatan ini, beliau turut mengambil kesempatan menyantuni para penduduk dengan mendengar sendiri akan permasalahan yang dihadapi oleh mereka seperti kerosakan bumbung dan lain-lain.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat